



# UTM

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Assignment type	Group Discussion 2
Chapter	Introduction Of Philosophy
Course	Philosophy And Current Issues (UHIS 1022)
Section	78
Prepared for	Dr. Nurazmallail Bin Marni
Submission date	11.11.2020
Group members	<ol style="list-style-type: none"><li>1) Nur Afikah Binti Mohd Hayazi (A20EC0220)</li><li>2) Muhammad Amin Haiqal bin Roslee (A20EC0207)</li><li>3) Muhammad Harun bin Marzuki (A20EC0212)</li><li>4) Omar Mokhtar Bin Yohan (A20EC0128)</li><li>5) Iman Aidi Elham Bin Hairul Nizam (A20EC5006)</li><li>6) Umi Suhana Binti Abdul Rahman (B20EC0055)</li></ol>

## Discussion 2 :

### 1. Cari FPN/FPK negara lain

FPN/FPK di negara Jepun adalah salah satu sistem pendidikan yang terkenal di persada dunia. Negara ini sangat mementingkan pendidikan bagi melahirkan rakyat yang cerdik pandai dan berdaya saing.

Pendidikan di Jepun terbahagi kepada empat peringkat:

- (1) Peringkat Sekolah Rendah (6 tahun) (小学校 shōgakkō)
- (2) Peringkat Sekolah Menengah Rendah (3 tahun) (中学校 chūgakkō)
- (3) Peringkat Sekolah Menengah Tinggi (3 tahun) (高等学校 kōtōgakkō)
- (4) Peringkat Universiti (4 tahun) (大学 daigaku; 学士課程 gakushi-katei)

Pendidikan di Jepun adalah wajib untuk semua rakyat yang berumur antara enam hingga 15 tahun. Pelajaran diberikan secara percuma. Sembilan tahun pendidikan wajib ini, meliputi enam tahun sekolah rendah dan tiga tahun sekolah menengah bawah. Murid di sekolah rendah tidak disalurkan mengikut pencapaian akademik mereka. Ini adalah untuk mengurangkan lagi perbezaan antara kelas dan juga menghilangkan prasangka guru apabila mengajar kelas pandai berbanding dengan kelas lemah. Satu lagi keistimewaan ialah mereka tiada ketua darjah yang tetap sepanjang tahun. Semua murid diberi peluang merasakan beban tanggungjawab sebagai seorang ketua darjah. Selain itu, di sekolah rendah Jepun walaupun terdapat dapur sekolah, tetapi tiada kantin sekolah. Murid dan guru makan dalam bilik darjah masing-masing. Apa yang menarik ialah pengendalian, pengagihan, dan layanan makanan dilakukan sepenuhnya oleh murid kelas yang terbabit. Guru di Jepun sangat dihormati dan dihargai dengan diberikan segala kemudahan. Pendidikan di Jepun mementingkan keseragaman dalam pelbagai faktor seperti usia, infrastruktur, kaedah pengajaran dan buku teks.

2. Bandingkan FPN/FPK negara tersebut dengan Malaysia dalam bentuk jadual perbandingan

MALAYSIA	JEPUN
Memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dari segi intelek, rohani, dan emosi dan jasmani yang merupakan anugerah tuhan	Pembebasan umat manusia dari segala macam sekatan, dan kebebasan untuk pembangunan
Menjadi insan yang sentiasa bersyukur, bersedia menerima segala ujian dan cabaran hidup serta sentiasa berikhtiar untuk mengatasi segala masalah yang dihadapi dengan tenang	Menjadikan penduduk mempunyai kasih sayang kepada umat manusia dan dipercayai oleh orang-orang
Mencari keseimbangan antara intelek, rohani dan emosi, dan jasmani	Mencari keseimbangan dalam keilmuan dan kerohanian